

**LAYANG-LAYANG ASIA**  
Asian Palm-Swift

FAMILI : Apodidae  
NAMA SAINTIFIK : *Cypsiurus balasiensis*

**CIRI-CIRI**

Burung jantan dewasa mempunyai saiz yang kecil, keseluruhan badan berwarna coklat kekelabuan, sayap yang panjang dan ekor bercabang yang panjang. Tongkeng, bahagian tepi kepala, dada dan perut serta tekak berwarna lebih pudar. Bagi burung juvenil pula, ekor agak pendek berbanding burung dewasa dan masih bercabang.

**SAIZ**

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah di antara 11-12 sm.

**MAKANAN**

Serangga.

**HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan terbuka, kawasan bandar dan kawasan perladangan. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,525 m dari aras laut.

**BUNYI**

Ia mengeluarkan bunyi yang bernada tinggi *sisisi-soo* atau *deedle-ee-dee*.

**PEMBIAKAN**

Musim membiak daripada bulan Disember-Ogos pada sepanjang tahun. Sarang adalah berbentuk separuh cawan yang dibina dari air liur dan rumput kering dan sarang dilekatkan pada daun pokok palma dan juga bumbung struktur bangunan. Burung betina boleh menghasilkan 2-3 biji telur dan telur adalah berwarna putih. Anggaran saiz telur adalah 17.1x11.7 mm.